

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

KHAMIS, 27 SEPTEMBER 2012

BIL. 19 TAHUN 12

HADIR

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Datuk Hoo Seong Chang, PJN., PIS.
(Paloh)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat, PJN., JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja' affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA

(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah dengan sedihnya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Encik Loh Lai Heng @ Goh Lai Heng yang telah dilantik sebagai ADUN Kawasan Layang-Layang mulai 8 Ogos 1974 hingga 29 Mac 1982, dan dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mulai 22 Julai 1982 hingga 12 Ogos 1986 telah meninggal dunia pada 14 Julai 2012. Oleh demikian, Dewan ingin merakamkan takziah kepada balu dan keluarga Mendiang dan marilah kita bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat Mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri Johor.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 12 dan 13 Tahun 2012.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 14, 15 dan 16 Tahun 2012.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Berapakah jumlah peruntukan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh setahun dalam memasang lampu jalan di kawasan perumahan kerana ianya dapat berfungsi dalam pencegahan jenayah di kawasan tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, lampu jalan di kawasan perumahan kebiasaannya disediakan oleh pihak pemaju semasa pembiayaan perumahan tersebut. Untuk kawasan yang bukan taman perumahan baru segala permohonan lampu jalan perlu dibuat oleh pihak Majlis Tempatan kepada Tenaga Nasional Berhad kerana semua bil elektrik untuk lampu jalan adalah di bawah tanggungjawab pihak Majlis Tempatan. Pihak Tenaga Nasional Berhad akan

membuat pemasangan lampu jalan sekiranya ada permohonan dari Majlis Tempatan dan kosnya dibiayai oleh Majlis Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Mohamad bin Taslim, jemput.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Masalah banjir dalam kawasan bandar Muar masih berlaku. Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan masalah tersebut di Lorong Setia off Jalan Khalidi, Taman Sentosa, No. 124 Jalan Abdul Rahman, Jalan Dato' Ahmad, lorong-lorong di sepanjang Jalan Khalidi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman pihak kerajaan melalui JPS telah pun melantik UTM bagi menjalankan kajian sistem perparitan Bandar Maharani. Daripada hasil kajian tersebut didapati 25 batang parit-parit utama sepanjang 59 kilometer telah dikenal pasti yang perlu dinaiktarafkan. Sehingga kini daripada 25 batang parit utama itu, 18 batang parit tersebut telah siap dinaiktarafkan dengan kos RM70.236 juta. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, Parit Tok Kadi dan Parit Jalan Khalidi. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat 7 batang parit yang sedang dalam proses untuk dinaik taraf seperti Parit Temiang dan Parit Bacang, antara 7 batang parit yang masih tinggal parit-parit utama di daerah Muar, di bandar Muar.

Pada tahun 2012 iaitu pada tahun ini, MPM telah melaksanakan beberapa projek menaik taraf sistem perparitan yang semuanya berjumlah RM1.14 juta di bandar Muar yang meliputi Taman Khalidi Baru, Taman Sentosa, Taman Parit Bakar serta sistem perparitan di Lorong Adabi dan Lorong Sepakat di Jalan Khalidi. Bagi kawasan-kawasan terlibat yang dinyatakan oleh ADUN Maharani Yang Berhormat Dato' Speaker, perincian kerja-kerjanya adalah seperti berikut :

1. Menaik taraf perparitan di Taman Khalidi Baru dengan kos, kos semuanya berjumlah RM407,500.00. Saiz parit "U" nya yang terlibat iaitu lebar 4 kaki bagi parit utama sepanjang 300 meter dan 600 milimeter atau 2 kaki bagi parit skunder sepanjang 150 meter.
2. Menaik taraf perparitan di Taman Sentosa dengan kos RM195,700.00, saiz parit sama iaitu "U" *drain*, dengan izin, yang terlibat berukuran 2 kaki bagi parit utama sepanjang 750 meter dan 3 kaki bagi parit sekunder sepanjang 750 meter.

Parit-parit di lorong Jalan Khalidi yang terlibat dengan masalah banjir seperti di Lorong Adabi dan Lorong Sepakat telah pun dinaik taraf oleh MPM pada awal tahun ini dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Dan perinciannya adalah seperti berikut:

1. Di Lorong Adabi dengan kos sebanyak RM62,000.00. Saiz pun saiz *U drain* juga dengan izin, berukuran 2 kaki sepanjang 250 meter dan di Lorong Sepakat kos RM110,000.00 "*U*" *drain* juga ,berukuran 2 kaki sepanjang 300 meter.

Bagi masalah sistem perparitan di Lorong Setia off Jalan Khalidi. Siasatan mendapati kawasan yang terlibat dengan banjir kilat melibatkan parit sempadan tanah persendirian di hujung lorong tersebut, yang mana saluran keluar tidak bersambung dengan parit konkrit yang telah dibina oleh Majlis Perbandaran Muar. Tuan tanah yang berkenaan perlulah membina perparitan sendiri bagi menyambung kerana ini adalah atas tanah sempadan sendiri dan, dan, dan paritnya parit tanah, tuan tanah perlu membina perparitan sendiri bagi menyambung ke parit konkrit MPM tersebut bagi mengatasi masalah banjir.

Untuk mengatasi masalah banjir di No. 124 Jalan Abdul Rahman pula, untuk makluman kerja-kerja naik taraf sistem perparitan dari Jalan Khalidi hingga ke Parit Haji Baki, sepanjang Jalan Abdul Rahman yang terlibat adalah dalam perancangan pihak JPS Muar dengan kos anggaran RM2.975 juta dan pada masa ini di peringkat proses penyediaan reka bentuk.

Berdasarkan siasatan telah dibuat oleh pihak Majlis di Jalan Dato' Ahmad, mendapati bahawa kejadian banjir kilat hanya berlaku di sebahagian kawasan tersebut. Ini disebabkan saiz parit yang sedia ada adalah kecil dan telah pun rosak. Pihak MPM merancang menaik taraf parit sedia ada kepada konkrit "*U*" *drain* juga, 2 kaki sepanjang 400 meter dengan anggaran kosnya iaitu RM250,000.00 pada awal tahun hadapan. Majlis percaya dengan projek naik taraf ini akan dapat mengurangkan kesan banjir kilat di kawasan tersebut, Untuk makluman Dewan ini, pihak Majlis sentiasa berusaha menaik taraf sistem perparitan di bandar Muar dan pelaksanaannya akan dilakukan secara berperingkat.

Y.B. Dato' Speaker : Bentayan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Soalan tambahan Dato' Speaker, memandangkan hujan di Muar ke belakang ini, banyak kawasan-kawasan rendah ditenggelami air, so, soalan saya, apakah perancangan yang lebih teliti oleh pihak JPS ataupun MPM terutama sekali di kawasan rendah di kawasan Jalan Bakariah itu jalan masuk ke Pangsapuri Seri Bakariah dan sebuah rumah lagi di hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Sin Hua Jalan Bakariah juga. Pagi ini saya menerima telefon lagi daripada seorang makcik iaitu di hadapan Sekolah Sin Hua di Jalan Bakariah, rumahnya sentiasa ditenggelami air, dia mintak saya kasi dia bantu, saya cakap sama dia saya bukan kerajaan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalan dia apa?.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Dia cakap lagi...

Y.B. Dato' Speaker : Tak, soalan?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Saya ialah Ketua UMNO Cawangan Parit Setongkat. So, saya nak tanya ialah apakah perancangan yang lebih teliti oleh pihak MPM dan JPS. Saya tengok kebelakangan ini asyik buat aje parit dan saliran tapi tak *settle* lah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Soalan itulah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ni Yang Berhormat berucap..

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Di kawasan Muarlah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sebab selalu kalau hujan tiba aje, telefon saya berderinglah.

Y.B. Dato' Speaker : Iyalah, semua telefon berdering. Oklah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya dah jelaskan bahawa untuk bandar Muar ini telah pun ada kajian menyeluruh yang dibuat oleh UTM dan telah pun dikenal pasti sebanyak 25 parit utama yang perlu di naik taraf, sekarang baru naik 17 parit-parit utama ini, ada lagi 8, 7 maaf saya, ada lagi 7 batang jalan, 7 batang parit utama yang sedang proses untuk di naik taraf seperti Parit Temiang dan Parit Bacang, ok. Dan, insya-Allah selepas parit utama ini semua di naik taraf sepenuhnya, kita dapat mengurangkan masalah banjir di bandar Muar. Saya pun tadi dah cakap bahawa JPS akan secara berperingkat menaiktarafkan semua perparitan untuk bandar Muar, dan kita semua maklum bahawa kedudukan Bandar Muar ini kedudukan semulajadinya pun adalah rendah macam juga Bandar Penggaram.

Dan baru-baru ini, tahun baru ini pun dah ada 2 kali banjir yang masuk sampai ke bandar Muar iaitu pertama 13 Julai dan satu lagi 6 Ogos tahun ini di Bandar Muar, berpunca kerana hujan lebat bersaing dengan air pasang dan jumlah hujan yang turun misalannya pada 13 Julai itu ialah antara jam 4 pagi dalam tempoh 3 jam saja air sebanyak 5 inci per kubik meter, itu dia punya *volume* air yang turun yang begitu banyak. Dan pada 5 Ogos pula semasa air pasang, yang tadi pun air pasang, ini pun air pasang juga, dah mula berhenti pukul 12:00 tengah hari, hujan yang turun sebanyak 1 kaki 2 inci per kubik meter, jadi bayangkan dia punya apa tu, kalau dalam keadaan

macam ini memang bandar Muar akan ditenggelami oleh air lah sebahagian daripadanya.

Tapi yang dibangkitkan oleh Bentayan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah meliputi perancangan jangka panjang yang, jalan parit-parit utama yang akan, yang mesti di naik taraf mengikut kajian universiti UTM iaitu sebanyak 25 batang parit dan terkini kita dah siapkan 18, ada 7 lagi . Insha-Allah ini akan berterusan bagi mengatasi banjir kilat di bandar Muar dan juga banjir-banjir kecil setiap kali ada hujan ataupun air pasang yang dibangkitkan oleh Bentayan. Dan langkah panjangnya ialah, perlu juga bandar Muar ini sebenarnya memerlukan beberapa pintu air dengan sistem pam sekali, misalnya di Parit Bentayan, Parit Tiram, Parit Sungai Abong dan Parit Setongkat. Yang ini belum dilakukan lagi di bandar Muar. Yang ini yang perlu iaitu mesti ada *flood gate*, mesti ada pintu air dan sistem pam macam mana yang kita buat di daerah Johor Bahru dan di bandar Batu Pahat. Jadi itu Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani ingin mengucapkan terima kasihlah di atas pembangunan dan gerak kerja yang telah dilakukan di dalam DUN Maharani di bandar Muar khususnya terutama sekali dengan pengisytiharan Muar sebagai Bandar Diraja. Soalan tambahan saya, di antara masalah banjir di tempat-tempat yang agak rendah ini ialah apabila jalan utama, parit jalan utama di naik taraf dengan parit "U" dan juga parit-parit yang lorong pun juga dinaikkan taraf, masalah banjir itu disebabkan kerana masalah yang nyata agak kecil jugalah kerana pertemuan di antara parit di lorong itu dengan parit utama, lubang itu agak terlalu kecil. Kita dapati bila parit itu, bila lubang itu terlalu kecil, air daripada parit di lorong nak masuk ke parit utama jadi dia tak dapat menampung. Jadi saya mengharapkan supaya diperhatikan kebanyakan pertemuan antara parit di lorong dan parit di jalan utama ini lubangnya terlalu kecil, jadi kena besarkan. Contohnya seperti di jalan di Lorong Setia dan juga di Taman Sentosalah. Itu yang menyebabkan banjir masih berlaku di tempat yang rendah itu apabila berlaku hujan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira pandangan Yang Berhormat Maharani akan diambil perhatian.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Pengaruh fahaman Syiah telah mula masuk di Malaysia. Adakah pengaruh fahaman Syiah ini telah masuk dalam Negeri Johor? Bagaimana usaha pencegahan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, secara umumnya masyarakat Islam di Negeri Johor berpegang teguh dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mereka masih mengamalkan ajaran tersebut dengan baik. Namun demikian, terdapat segelintir umat Islam di negeri ini yang terpengaruh dengan ajaran sesat yang dibawa oleh pihak-pihak tertentu. Jabatan Agama Johor menerima aduan daripada orang ramai berhubung penglibatan sesetengah umat Islam ini dengan ajaran fahaman Syiah. Hasil siasatan dan pemantauan berterusan oleh jabatan ke beberapa markasnya mendapati bahawa di daerah Johor Bahru terdapat 3 markas Syiah iaitu di Kampung Sungai Tiram, Larkin Perdana dan Taman Daya. Di mana dipercayai terdapat lebih kurang 300 orang atau 60 keluarga yang berfahaman dan mengamalkan Syiah. Mereka ini mengamalkan Syiah yang beraliran Jafariyah atau Isna Asyar yang berasal dari daerah Karbala, Iran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Mufti Negeri Johor telah mengeluarkan fatwa membendung pengaruh Syiah di Negeri Johor pada 9 Januari 2012 dan telah diwartakan pada 16 Februari tahun yang sama. Dan, intipati kepada fatwa ini adalah seperti berikut:

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Johor hendaklah mengikut undang-undang dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah berpandukan Mazhab Syafie'.
2. Bahawa fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang boleh menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara.
3. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Johor Darul Ta'zim berdasarkan terdapat beberapa percanggahan di dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan juga akhlak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa tindakan telah diambil bagi membendung penyebaran ajaran ini dengan memberi penerangan seperti mengadakan seminar, siri penjelasan tentang Syiah di daerah-daerah dan perbincangan khusus dengan pengikut-pengikut Syiah di samping membuat pemantauan berterusan dari semasa ke semasa bersama agensi-agensi keselamatan yang lain. Dan tindakan-tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Sekatan

Menyebarkan Agama Bukan Islam 1991, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ha, kesian pula. Ha, jemputlah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi. Saya ingin bertanya bila kita bercakap tentang Syiah ini, dia bukan satu mazhab yang serupa macam kita ini dia ada banyak-banyak mazhab. Paling minima saya rasa ada 12 mazhab Syiah ini. Jadi mengikut jawapan tadi bahawa Kerajaan Negeri Johor telah menetapkan bahawa Syiah bercanggah ataupun sesat dari segi syariah dan akidah. Jadi, saya nak tahu adakah ini diputuskan sesat pada semua Syiah ataupun ada golongan-golongan Syiah yang dekat dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mana yang tidak dihukum sesat oleh Pertubuhan Islam Antarabangsa. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Mufti Kerajaan Negeri Johor telah memutuskan bahawa pegangan Syiah ini sebagaimana yang saya nyatakan tadi telah diputuskan bahawa ia adalah ajaran sesat dan telah pun diwartakan. Maknanya umat Islam di Negeri Johor tidak boleh berpegang kepada ajaran ini, dan yang dibenarkan hanyalah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Saya sebutkan antara apa ini, penyelewengan yang dibuat oleh atau diamalkan oleh pihak-pihak berkenaan sebagai contohnya :

1. Menghalalkan nikah mutaah.
2. Menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharam.
3. Ha, yang ini berat, menghina isteri-isteri Nabi Muhammad S.A.W.
4. Mengharuskan jamak solat dalam semua keadaan, ia hanya keadaan-keadaan tertentu sahaja.
5. Imam adalah maksum.
6. Berpura-pura.
7. Penyanjungan yang keterlaluan kepada Sayidina Ali, dan
8. Mengkafirkan para sahabat Rasulullah.

Ini adalah terkeluar daripada ajaran Islam kita yang sebenar. Dan ini, kalau keadaan ini dibiarkan boleh sebagaimana yang saya nyatakan tadi boleh menggugat perpaduan bukan sahaja dengan orang, malah dengan orang-orang Islam sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Minta penjelasan apakah jenis perniagaan yang terdapat di Bazar dan Arked Mara Rengit? Nyatakan jumlah dan hutang peniaga di Bazar tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita dimaklumkan bahawa Bazar Rengit pada ketika ini dalam proses pembangunan semula dan keseluruhan kemajuan projek ialah setakat ini 57% dan ianya bermula pada 1 Disember 2011 dan dijangka siap pada 24 Januari 2013. Bazar ini berbentuk 2 tingkat di mana tingkat atas mempunyai 7 lot perniagaan dan di bawah mempunyai 11 lot perniagaan dengan keseluruhannya 18 lot perniagaan. Bagi Arked Rengit pula terdapat 21 lot perniagaan dan antara premis perniagaan di Arked Rengit adalah seperti berikut iaitu:

1. Stokis dan pengedar produk kulit dan perkakasan dapur.
2. Kedai jahit.
3. Pusat latihan komputer.
4. Produk peralatan sukan.
5. Kedai cermin mata.
6. Kedai kain dan pakaian serta keperluan sekolah.
7. Menjual buku dan kitab.
8. Butik pengantin.
9. Salun kecantikan.
10. Pusat kesihatan dan juga, terdapat juga pejabat.

Dan, untuk makluman juga setakat ini memang terdapat tunggakan sewa berjumlah RM17,325.00, setakat bulan Ogos 2012.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, jemput.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Dengan adanya perkhidmatan klinik pergigian moden sekarang ini, saya ingin tahu adakah Kementerian Kesihatan masih memerlukan perkhidmatan "Tukang Gigi" di setengah-setengah bandar dan pekan yang masih ada lagi sehingga sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Pergigian Malaysia akan mengiktiraf dan mendaftar Pengamal Pergigian dalam Bahagian I dan Pengamal Pergigian Bahagian II di bawah Akta Pergigian 1971. Pengamal Pergigian II pernah dikenali sebagai Tukang Gigi pada masa, pada zaman sebelum kemerdekaan dan mereka telah didaftarkan di bawah Majlis Pergigian Malaysia sehingga 1972. Sehingga Disember 2011, di Negeri Johor terdapat 163 premis pergigian swasta Bahagian I dan 3 premis pergigian Bahagian II. Mereka didaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

3 premis ini adalah di Tangkak, Labis dan Kota Tinggi. Mereka dikenali sebagai Doktor Gigi, boleh mencabut gigi, menampal gigi dan membuat gigi palsu. Mereka ini sudah berusia umurnya, 86 tahun dan yang paling muda adalah 81 tahun umurnya tapi masih sihat dan tegap dan boleh menjalankan tugas mereka. Perkhidmatan mereka

akan tamat bila mereka kurang berupaya atau meninggal dunia. Perkhidmatan mereka tidak boleh dipindah hak milik kepada ahli keluarga atau saudara mara mereka.

Selain daripada 3 Pengamal Pergigian Bahagian II ini yang masih mengamal, tidak sepatutnya ada tukang gigi di Negeri Johor ini. Tukang gigi selain dari yang 3 ini adalah menjalankan pengamalan pergigian secara haram. Jika sabit kesalahan boleh didenda RM300,000.00 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Lambat betul bangun. Yang Berhormat gigi ada?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Selalu sakit gigi Dato' Speaker

Y.B. Dato' Speaker : Ha, boleh soal. Ok.

Y.B. Datuk Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Apa sebabnya oleh kerana banyak klinik-klinik gigi yang bertauliah yang dikendalikan oleh profesional, masih ada lagi *customer* yang pergi ke tukang-tukang gigi ini, adakah dia memberikan perkhidmatan yang *special* ataupun khusus hingga menarik pelanggan-pelanggan ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka ada *customer* dia, *patient* dia, itu tergantunglah individu nak melanggan mereka atau tidaklah. Tetapi apabila 3 premis ini, Pengamal Pergigian ini dah meninggal, dah tak ada lagilah, sepatutnya tak ada lagi Pengamal Pergigian Bahagian II ini, semua Bahagian I, semua swasta punya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, baiklah. Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Nyatakan setakat bulan Ogos 2012, apakah langkah-langkah yang telah dijalankan untuk menyeralahkan imej dan penjenamaan semula bagi destinasi-destinasi pelancongan di dalam Negeri Johor bagi memastikan pembangunan sektor industri pelancongan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga bulan Ogos 2012, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan agensi-agensi berkaitan telah pun mengenal pasti beberapa langkah yang akan diambil secara berperingkat-peringkat sehingga penghujung tahun 2013 seperti berikut :

1. Menggerakkan Jawatankuasa Pelancongan Daerah untuk bersama Jabatan Pelancongan Negeri Johor mengenal pasti masalah destinasi berkenaan serta langkah untuk memperbaiki.
2. Mengkaji keberkesanan dan menaik taraf serta membangunkan beberapa pusat informasi pelancongan daerah. Di samping itu, mewujudkan kiosk-kiosk pelancongan di pintu-pintu masuk utama ke Negeri Johor.
3. Membangunkan papan tanda ataupun *billboard* dan pada masa yang sama menyeragamkan papan tanda pelancongan di setiap daerah serta di pintu-pintu masuk pelancongan yang akan mula dilaksanakan pada bulan depan iaitu bulan Oktober bagi tujuan promosi.
4. Melaksanakan produk audit untuk mengenal pasti kualiti destinasi pelancongan bagi dijadikan asas kepada perancangan pembangunan industri pelancongan di Negeri Johor.

Dari segi prestasi ataupun pembangunan industri pelancongan di Negeri Johor ini, sukacita saya ingin maklumkan bahawa mengikut rekod Jabatan Imigresen Negeri Johor, jumlah pelawat yang masuk ke Negeri Johor bagi tempoh 6 bulan pertama, kalau banding tahun 2012 dengan tahun 2011, pada 6 bulan pertama tahun 2011 adalah 8,289,410 orang. Kalau bagi tahun 2012, Januari hingga Jun adalah 10,136,933 orang. Bermakna, ia meningkat, ia ada peningkatan 1,847,523 orang ataupun dengan kenaikan 22.3% bagi tempoh masa 6 bulan yang sama.

Namun begitu, antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan agensi-agensi berkaitan termasuklah pihak swasta serta Badan-Badan Bukan Kerajaan, untuk menarik pelancong ke Negeri Johor adalah seperti berikut:-

1. Memperhebatkan lagi kempen promosi dan pemasaran produk pelancongan di dalam serta di luar negara.
2. Memperbanyakkan penganjuran acara pelancongan bertaraf nasional dan antarabangsa.
3. Menganjurkan program lawatan pengenalan ataupun *Fam Trip* kepada agensi pelancongan dan media massa tempatan serta luar negara.
4. Memperhebatkan lagi kempen promosi dan penyaluran maklumat pelancongan secara *online* melalui laman web, *facebook*, *twitter* dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasihlah kepada usaha-usaha yang dijalankan

oleh kerajaan. Hanya saya nak tahu, dalam mengusaha *rebranding* ataupun penjenamaan semula destinasi pelancongan ini, saya rasa kita memang perlu menjaga, yang panggil *basic requirement*. Sebab itu, saya ingin taulah, apakah limpahan *rebranding* kepada daerah-daerah di dalam Negeri Johor supaya adakah kerajaan wujudkan satu daerah satu destinasi yang sama-sama boleh membangunkan sektor industri pelancongan di dalam semua daerah? Kerana kita pun ada perhatian, ada kawasan-kawasan destinasi pelancongan banyak kemudahan asas atau yang saya sebutkan *basic requirement* tu, tidak mematuhi apa yang kehendak pelancong dalam dan juga luar negara?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti saya sebutkan tadi, kita memang mengambil kira semua produk pelancongan di semua daerah di Negeri Johor ini. Maka dengan itu, saya dengan Jabatan Pelancongan Negeri Johor telah pun menggerakkan lagi Jawatankuasa Pelancongan di semua daerah dan juga kita menubuhkan Pusat Informasi Pelancongan Daerah supaya semua daerah dapat mewujudkan produk pelancongan yang menarik dan ia akan membantu sektor pelancongan di Negeri Johor pada keseluruhannya.

Saya akui bahawa dari segi *basic requirement* untuk tempat-tempat tarikan di Negeri Johor ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak terima kasih saya kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga kepada Kementerian Pelancongan Malaysia yang selama ini memang memberi kerjasama yang rapat kepada Jabatan Pelancongan Negeri supaya kita menentukan tempat-tempat tarikan yang perlu meningkatkan lagi usaha untuk menaik taraf bagi kawasan-kawasan yang memerlukan pembangunan dari segi infrastruktur dan sebagainya.

Maka, saya percaya dengan kerjasama ini kita akan melakukan apa yang perlu kita meningkatkan lagi taraf yang boleh kita menarik pelancong yang datang ke Negeri Johor ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker. Dato' Speaker, sebenarnya Johor ini ada laut pantai yang begitu panjang. Sepanjang sejarak 400 kilometer tapi dalam 400 kilometer pantai laut kita, cuma terdapat satu sahaja hotel 5 bintang. So, apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk membangun pelancongan di sepanjang pantai laut kita? Kalau kita boleh adakan pakej, sekarang sudah ada *Legoland* tapi nak pergi kalau orang, pelancong asing nak pergi pantai laut selain daripada 1 hotel 5 bintang di Desaru, tak ada tempat lain kita boleh pergi. Sehingga kita terpaksa memperkenalkan projek-projek lain seperti RAPID yang boleh mencemarkan alam sekitar kita. So, apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri selama ini 55 tahun sebagai kerajaan? Adakah bila nak bangun, sehingga sebelum kita boleh membangunkan pelancongan pantai laut kita?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasihlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi jumlah hotel untuk menampung keperluan di Negeri Johor ni, bukan setakat di darat, misalnya disebut, Yang Berhormat sebut tentang *Legoland*. Sebelah *Legoland*, saja ada 1 hotel sedang dibangunkan. Di Johor Premium Outlet pun, sebelahnya akan diadakan 1 hotel untuk menampung keperluan.

Di kawasan-kawasan yang ada tempat-tempat tarikan kalau dari segi pantai pula misalnya di Desaru, saya sebut mungkin kalau kita pantai dan sebagainya mungkin satu kawasan yang menarik ialah Desaru.

Sukacita, saya ingin maklumkan bahawa di bawah berita Desaru Master Plan, kerajaan akan mengalu-alukan pembangunan Desaru misalnya:-

1. Projek seperti *Aman Country Club and Villa*, tapi akan siap dalam 2, 3 tahun inilah. Ini merupakan *6 star hotel* mempunyai 36 unit blok dan sebagainya untuk menampung lebih kurang 50 kelab *suite* dan sebagainya.
2. Tentang Sheraton Desaru Resort dan Country Club. Ia juga merupakan 1 hotel 5 bintang pun akan siap dalam 2, 3 tahun ini. Ia akan mengandungi 350 bilik untuk keperluan di Sheraton Desaru Resort ini.
3. Selain daripada itu, ada *Plantation Hotel*, 4 bintang juga akan siap dalam 1, 2 tahun ini.
4. Kemudian ada, Datai Desaru Resort dan sebagainya.

Ini bermakna, kita faham tentang keperluan hotel-hotel supaya kita dapat memenuhi keperluan daripada pelancong-pelancong yang datang dari luar negara dan juga dari negara kita sendiri. Maka, dari segi perancangan bukan setakat pantai saja tetapi keseluruhan. Kita akan melihat dari segi permohonan untuk buat hotel memang akan cukup untuk menampung keperluan pada 5 tahun akan datang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, Skudai. Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya berpendapat bahawa segala data-data ataupun statistik yang diberikan oleh EXCO memang ada, amatlah mengelirukan. Saya nak tunjukkan kepada satu tempat destinasi di bandar Johor Bahru ini iaitu Danga Bay. Danga Bay sejak ianya ditubuh maka pada peringkat permulaan memang boleh menarik ramai pelancong-pelancong berkunjung di situ tetapi sekarang kalau kita dapati bahawa jumlah bilangan pelawat-pelawat yang ke sana telah kian merosot, sehingga kawasan tempat perniagaan beli belah pun terbengkalai. Jadi, saya nak tahu sejauh mana Danga Bay mencapai kejayaan sebagai suatu tempat yang boleh menarik pelancong-pelancong ataupun wujudnya kegagalan? Sekian.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Dari segi pembangunan Danga Bay ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun dahulu memang rasa ada ramai datang ke Danga Bay ini tetapi jangan risaulah sebab selepas pembangunan *Waterfront City* yang sedang membangun ini, walaupun sekarang pembangunan masih berjalan memang adalah nampak pengunjung datang ke sana pun berkurangan. Tetapi, selepas kita siapkan *Waterfront City* segala pembangunan yang ada di Danga Bay ini, saya boleh pastikan supaya ramai lagi pelancong yang datang bukan setakat datang ke kawasan itu tetapi ada hotel-hotel yang cukup 5 bintang, 6 bintang juga berada di sana dan banyak aktiviti akan wujud di kawasan *Waterfront City* ini, maka Danga Bay juga akan merupakan satu tempat tarikan yang menarik pada masa akan datang ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan 7.

Sejak pembukaan EDL kesesakan lalu lintas telah berlaku di persimpangan Jalan Stulang Darat dengan Jalan Stulang Laut. Ingin bertanya apakah langkah yang diambil oleh pihak berkenaan untuk menangani masalah ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah kesesakan di simpang Jalan Stulang Laut dan Jalan Stulang Darat yang dibangkitkan oleh ADUN Stulang, berlaku pada setiap hari bekerja. Ini telah kita kenal pasti iaitu di antara pukul 5.30 petang hingga 6:30 petang. Dan, kesesakan ini melibatkan kenderaan di Jalan Stulang Darat yang datang dari arah bandar Johor Bahru menuju ke Permas Jaya dan di Jalan Stulang Laut juga dari arah bandar menuju ke Permas Jaya juga.

Untuk mengatasi permasalahan ini secara jangka pendeknya, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah membuat pengubahsuaian tempoh ulangan masa lampu isyarat di simpang berkenaan. Kerja-kerja telah dilaksanakan pada bulan Julai tahun ini melibatkan penambahan tempoh masa hijau lampu isyarat dari arah bandar ke Permas Jaya selama 45 saat di Jalan Stulang Darat dan 40 saat di Jalan Stulang Laut.

Dan, penambahan masa ini dibuat untuk tempoh kesesakan yang di antara pukul 4:00 hingga 8:00 malam pada setiap hari. Maknanya, antara pukul 4:00 dan hingga pukul 8:00 malam itu, ulangan lampu hijau, lampu isyarat berwarna hijau dari arah bandar ke Permas Jaya dipanjangkan selama 45 saat dan di Jalan Stulang Darat dan 40 saat di Jalan Stulang Laut antara 4:00 petang hingga 8:00 malam setiap hari. Langkah ini telah dapat Yang Berhormat Dato' Speaker, mengurangkan kesesakan sebanyak 45% di mana kesesakan asal sepanjang lebih kurang 1,100 meter dapat dikurangkan kepada lebih kurang 600 meter. Pihak Majlis sentiasa memantau kesesakan ini dari semasa ke semasa.

Bagi langkah panjangnya pula, Bandaraya akan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan di simpang tersebut yang melibatkan kerja-kerja:-

1. Melebarkan sebahagian Jalan Stulang Darat dari arah bandar yang menuju ke Permas Jaya supaya kenderaan dari arah bandar tidak perlu berhenti di simpang berkenaan sepanjang masa.
2. Mengubah suai sistem lampu isyarat untuk menambah masa hijau untuk kenderaan yang keluar dari Jalan Stulang Laut menuju ke Permas Jaya.
3. Mengubah suai garisan jalan serta penyediaan pembahagian jalan di Jalan Stulang Darat.

Kerja-kerja Yang Berhormat Dato' Speaker, dijangka akan dimulakan pada bulan November tahun ini bagi mengatasi masalah kesesakan di persimpangan jalan tersebut.

Y.B. Encik Mok Chek Hau (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Stulang.

Y.B. Encik Mok Chek Hau (Stulang) : Kesesakan lalu lintas memang berlakulah di persimpangan Jalan Stulang Darat dengan Jalan Stulang Laut pada waktu sibuk itu. Dan, saya difahamkan Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak pemaju MRCB untuk membina satu *slip road* supaya kenderaan dari Jalan Stulang Darat boleh naik terus masuk ke EDL tetapi pihak pemaju itu, MRCB enggan nak buat. So, soalan saya ialah apa yang kerajaan boleh buat untuk memastikan kerja buat *slip road* itu dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya dah jelaskan bahawa kita akan melebarkan sebahagian Jalan Stulang Darat dari arah Bandar menuju ke Permas Jaya supaya kenderaan dari arah bandar tidak perlu berhenti di simpang berkenaan sepanjang masa. Jadi, yang ini pun melibatkan samalah keadaannya, kita lebarkan jalan itu, bukan *slip road*, kita melebarkan jalan itu . Itu keputusan kerajaan, supaya tidak ada *traffic flow* tidak berhenti.

Y.B. Dato' Speaker : Terus saja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Terus saja dan ini akan mengurangkan dan ini kerja ini akan dibuat pada bulan November seperti yang saya cakap tadi, termasuk yang 2 dan 3 tadi yang saya sebut sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya nak mencadangkan sesuatu, salah satu cara penyelesaian untuk mengatasi kesesakan di Jalan Darat.

Y.B. Dato' Speaker : Jalan mana?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Jalan Stulang Darat. Adalah didapati bahawa kenderaan-kenderaan yang datang dari Johor Bahru nak memasuki EDL. Mereka lazimnya nak melalui Stulang Darat ke hujung, kemudian Jalan Pasir Pelangi ke hujung Taman Sentosa baru boleh naik. Jadi cadangan saya adalah bahawa memang terdapat satu sekatan *divider* berhadapan dengan Taman Serene. Sekiranya *divider* itu boleh dihapuskan bagi kenderaan boleh masuk ke EDL dengan awal supaya kesesakan boleh dielakkan. Macam mana cadangan ini boleh diamalkan. Sekian.

Y.B. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandaraya akan membuat kajian yang menyeluruh berkenaan aliran trafik di kawasan Stulang Darat dan Stulang Laut yang menuju ke Permas Jaya ini juga dan kalau ada sekatan-sekatan apa ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebab itu tadi saya sebut akan juga selain daripada lampu isyarat, selain daripada pelebaran jalan yang disebut *slip road* tadi oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, termasuk juga mengubahsuai tadi saya cakap garisan jalan dan penyediaan pembahagian jalan di kawasan tersebut. Ini mungkin juga meliputi ada satu *island* di situ, dalam *inverted comma* dipanggil *island* pembahagi jalan yang berbentuknya tiga segi itu. Itu pun kemungkinan besar kita hapuskan, kita *level* kan terus, kemungkinan mengikut kajian yang dibuat oleh Bandaraya dan insya-Allah kerja-kerja ini kita akan buat bermula bulan November tahun ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Permas

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Selain daripada kenderaan-kenderaan yang dari Permas Jaya ke Johor Bahru tetapi kenderaan-kenderaan daripada Permas Jaya ke Kuala Lumpur juga mengakibatkan kesesakan lalu lintas ataupun jem di kawasan persimpangan EDL di Bakar Batu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia soal yang kat Stulang aje, tak sebut Permas.

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ini termasuk di kawasan itu sebab ada kenderaan yang daripada Permas Jaya ke Johor Bahru tadi yang diterangkan oleh Yang Berhormat EXCO. So, soalan saya, oleh kerana kenderaan-kenderaan daripada Permas Jaya di persimpangan EDL itu yang masuk ke sebelah kanan pergi ke Kuala Lumpur itu juga menjadikan kesesakan lalu lintas. Adakah rancangan kerajaan untuk menjadikan supaya kenderaan-kenderaan daripada Permas Jaya masuk ke

Kuala Lumpur tak payah berhenti di *traffic light* itu. Ada tak satu rancangan supaya kita boleh elakkan *traffic light* di kawasan situ, terima kasih.

Y.B. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kita ambil ingatanlah atas pandangan Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Allah kasihan pulak Yang Berhormat. Yalah jemput.

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya saya nengok kita punya soalan ni dah berubah tempat.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat nak soal apa ini?

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Kita perbincangkan tentang Jalan Stulang Darat dengan Stulang Laut, tetapi sebenarnya yang menyebabkan jem teruk apabila Jalan Stulang Darat tu, kereta daripada Jalan Storey sebenarnya sepatutnya dia ada *diversion* masuk ke Jalan Stulang Darat, ini yang kita bincangkan. Dan, perkara ini dah dibawa dan mendapat persetujuan...

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat ni jawab ke nak soal?

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tak, dah dapat persetujuan daripada kerajaan...

Y.B. Dato' Speaker : Habis,

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : tetapi MRCB tak nak buat. Jadi masalahnya apa pihak kerajaan boleh memaksa ataupun pastikan MRCB buat *slip road* itu?

Y.B. Dato' Speaker : Dah belanja besar pulak tu.

Y.B. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Nampaknya soalan ini banyak dapat respons dari Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mintaklah mana-mana yang ada pandangan, berpandangan lagi ada mempunyai pandangan boleh terus tulislah terus kepada saya, saya salurkan kepada Bandaraya atau kita duduk sama-sama bincang sebab banyak orang dah banyak idea ini. Jadi, malangnya dia timbul kat Dewan ini aje dan tapi walau macam mana pun kita tak boleh menidakkan bahawa *Eastern Dispersal Link* ini dengan izin, *highway* ini telah banyak memberikan keselesaan perjalanan kepada penduduk di Johor Bahru dan juga yang nak menggunakan jalan raya daripada Utara Selatan dan Selatan ke Utara, dan juga dalam kawasan persekitaran Bandaraya, tanpa tol, *free*. Lagi pun Kerajaan Pusat telah memberikan persetujuan bahawa tidak akan ada apa-apa bayaran untuk EDL. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya nombor 8.

Minta penjelasan bilakah pelaksanaan pembinaan tambahan bilik darjah Sekolah Kebangsaan Seri Rejosati, Rengit yang telah terbengkalai lama akan dimulakan. Jika terdapat halangan apakah halangan tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaksanaan projek tambahan bilik darjah Sekolah Kebangsaan Seri Rejosati, Rengit adalah di bawah Unit Pendidikan Jabatan Kerja Raya Johor dan telah pun dilantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja tersebut dan jangkaan siap ialah pada 16 Januari 2013.

Y.B. Dato' Speaker : Dah. Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi. Ah tak dengar.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 9.

Apakah tindakan yang telah dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar mengenai limpahan sisa Kilang Kelapa Sawit Bintang Paloh ke Empangan Bekok?

Y.B. Dato' Speaker : Baju merah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, siasatan telah dijalankan mendapati punca air sungai berwarna hitam adalah disebabkan oleh timbunan buah sawit segar yang telah disita oleh MPOB di kawasan Ladang Sawit Kilang Sawit Bintang. Timbunan buah sawit tersebut telah menghasilkan *leachate* dan mengalir ke Sungai Briang dan Sungai Bekok. Kilang tersebut telah pun diarahkan untuk menutup aliran *leachate* tersebut dengan serta merta. Notis arahan juga dikeluarkan pada 11 Julai 2012 kepada pihak kilang dan surat arahan kepada pihak MPOB Johor dan MPOB Cawangan Kluang supaya mengambil tindakan sewajarnya, bagi membantu pihak kilang mencari kaedah yang sesuai bagi mengatasi masalah longgokan buah sawit segar yang telah disita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, siasatan pada 14 Ogos 2012 bersama Ahli Yang Berhormat Parlimen Ayer Hitam, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Batu Pahat, Syarikat Air Johor, Jabatan Perikanan, Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung mendapati air sungai jernih dan terdapat aktiviti menjala ikan oleh penduduk tempatan. Ujian PH dengan izin, mendapati air sungai adalah *neutral* dengan izin. Yang Berhormat Dato' Speaker, siasatan mengenai air ikan mati didapati berpunca daripada bahagian ulu Sungai Bekok yang kedudukannya adalah sebelum pertembungan Sungai Briang di mana pelepasan Kilang Kelapa Sawit Bintang telah dialirkan ke Sungai Briang. *Sampel*, dengan izin, ikan mati telah diambil untuk di analisa oleh Jabatan Perikanan bagi mengenal pasti punca kematian ikan-ikan tersebut.

Di samping itu, pihak Syarikat Air Johor telah memaklumkan bahawa Empangan Bekok beroperasi seperti biasa di mana kualiti air sungai masih dalam *standard* piawaian air minuman Jabatan Kesihatan. Sehingga kini Jabatan Alam Sekitar belum dapat mengenal pasti punca kematian ikan di Sungai Bekok kerana laporan analisa belum dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah tindakan yang lebih beratlah pada kilang-kilang yang buat kesalahan tersebut, sebab apa tindakan yang dibuat tidak cukup berat bagi mereka. Jadi, denda ke, apa ke yang lebih beratlah supaya mereka tidak mengulangi kesilapan itu. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kerajaan mengambil berat tentang pencemaran di mana-mana pun. Dan dalam kes ini telah diberikan arahan supaya tindakan serta merta, sekira diambil tindakan serta merta itu kemungkinan kompaun boleh diberikan atau kalau dalam kes yang lebih berat boleh dibawa ke mahkamah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Hong Tee jemput.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 10.

Apakah perkembangan terkini status naik taraf lebuh raya Segamat – Tangkak?

Y.B. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, projek naik taraf jalan sedia ada iaitu FT23 dari Segamat ke Tangkak, dari 2 lorong kepada 4 lorong sepanjang 61 kilometer dengan kos sebanyak anggarannya RM733 juta akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam 5 pakej. Dari Segamat ke Tangkak, 2 lorong kepada 4 lorong dalam 5 pakej berperingkat-peringkat. Pakej 1A dari bandar Segamat ke Gemerah yang ini, Yang Berhormat Dato' Speaker masih belum dilaksanakan kerana ia perlu diselaraskan dengan jajaran landasan berkembar kereta api Gemas – Johor Bahru. Jadi yang pakej ini kita kena tunggu apa ini dia nak diselaraskan dengan jajaran landasan berkembar kereta api Gemas – Johor Bahru, pakej dari bandar Segamat ke Gemerah iaitu Pakej 1A.

Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan untuk Fasa 1 Pakej 1B, yang ini dah mula, sepanjang 8.5 kilometer termasuk pelebaran 5 buah jambatan dan juga membina sebuah - jejantas dari simpang UiTM hingga ke Kampung Gemerah. Projek ini telah bermula pada 1 November tahun lepas dan dijangka siap pada 3 April 2014 setelah diberikan lanjutan masa pertama 150 hari. Projek ini telah diberi lanjutan masa pertama iaitu selama 150 hari dengan kos sebanyak RM150 juta. Masih terdapat Yang

Berhormat Dato' Speaker, masalah di tapak yang belum diselesaikan sepenuhnya dan mengganggu kerja-kerja pembinaan, sebab tu terpaksa kita bagi apa tu, lanjutan masa tadi iaitu antaranya masalahnya:

1. Pengambilan balik tanah yang agak memakan masa juga;
2. Pengalihan kubur;
3. Pampasan kepada setinggan;
4. Pengalihan utiliti.

Kemajuan kerja di tapak pada masa ini iaitu di tapak Fasa 1 tapak Pakej 1B ini antara Simpang UiTM ke Gemereh, kemajuan kerjanya sekarang adalah 11% berbanding yang dijadualkan 9.1% makna dia cepat, apa ni kemajuan kerja adalah baik. Pakej 2 sepanjang 13.4 kilometer termasuk membina 3 jambatan baru dan membina 2 buah jejantas akan bermula dari Simpang UiTM hingga ke Ulu Jementah. Projek ini telah dimulakan pada 14 Mac tahun ini dan dijangka siap pada 11 Mac 2014 dengan kos sebanyak RM119,308,367.50. Masih terdapat masalah juga di tapak yang belum diselesaikan di mana yang akan mengganggu kerja-kerja di pembinaan di antaranya ialah macam biasa:

1. Pengambilan balik tanah;
2. Ada Lot-lot baru yang ditemui dan perlu dibuat pengambil balik tanah semula;
3. Pengalihan utiliti;
4. Permohonan perubahan reka bentuk oleh pihak kontraktor.

Kemajuan kerja di tapak ada lewat sedikit iaitu sekarang 1.8% berbanding yang dijadualkan sepatutnya 4.7%.

Yang Berhormat Dato' Speaker bagi Pakej 3, 4 dan 5 sedang dalam peringkat reka bentuk dan kerja-kerja pembinaan hanya akan dimulakan apabila peruntukan yang dipohon dalam *third rolling plan* diluluskan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok soalan lisan dah habis tempoh masanya dah setengah jam lebih.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : **SOALAN BERTULIS.**

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ada menerima satu usul rundingan daripada Yang Berhormat ADUN Bentayan mengenai isu banjir kilat yang sering

melanda di Bandar Muar. Isu ini adalah masalah biasa yang dihadapi di mana-mana tempat, isu tersebut tidak begitu mendesak dan tidak melibatkan keseluruhan rakyat di Negeri Johor dan telah juga dijawab oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam baru sebentar tadi, maka dengan ini saya menolak rundingan yang di bawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bentayan tersebut.

Jurutulis : PERANGGARAAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2012.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2012 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2012 dan memperakukan sama ada Peranggaran itu patut diluluskan di dalam Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tambahan Peruntukan Pembangunan ini merupakan Tambahan Yang Kedua bagi Tahun 2012, Tambahan Peruntukan Pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM76,160,000.00 di bawah tiga jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM50,500,000.00;
2. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM23,160,000.00;
3. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM2,500,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM660,000.00 bagi Maksud P.53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud Pembangunan P.53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor memerlukan Peruntukan Tambahan sebanyak

RM660,000.00 bagi menampung pembiayaan dan pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Jalan Arab, Muar, Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan untuk mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20,000,000.00 bagi Maksud P.55, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Menteri Besar dan RM30,500,000.00 bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.55, Pejabat Daerah dan Tanah Pejabat, Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM20,000,000.00 bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan jalan-jalan kampung di seluruh Negeri Johor.

Bagi Maksud Pembangunan P.56, Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM30,500,000.00 di mana sebanyak RM13,000,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan pembangunan di seluruh Negeri Johor. Sebanyak RM5,500,000.00 pula bagi menampung di bawah peruntukan pengambilan balik tanah. Sebanyak RM10,000,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah rancangan pembangunan kerja-kerja kecil manakala selebihnya sebanyak RM2,000,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan projek pembangunan Dewan Orang Ramai, Dewan Serba guna dan Balai Raya di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,500,000.00 bagi Maksud P.58, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.58, Jabatan Agama Islam Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM2,500,000.00 bagi menampung pembayaran anjuran projek pembinaan dan menyiapkan pentas Diraja dan wakaf awam di perkarangan Masjid Sultan Abu Bakar Johor Bahru.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM22,500,000.00 bagi Maksud P.60, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan

P.60, JKR Negeri ataupun Jabatan Kerja Raya Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM22,500,000.00 di mana sebanyak RM2,500,000.00 diperlukan bagi menampung pembinaan pintu gerbang serta kerja-kerja landskap dan papan tanda sempena Majlis Istiadat Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di bulatan Sulaiman Bandar Maharani Muar, manakala selebihnya sebanyak RM20,000,000.00 diperlukan JKR bagi menampung pembayaran anjuran projek pembinaan dan naik taraf Istana-Istana di seluruh negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2012 telah pun selesai ditimbang maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta pada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon maklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2012. Oleh itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM76,160,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2012 itu diluluskan dalam Dewan ini dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM76,160,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2012 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) (NO. 2) TAHUN 2012.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2012) (No. 2) Tahun 2012 di bacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 2012 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa rundingan supaya peraturan tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang kedua bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2012. Tambahan Peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM56,574,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah enam jawatankuasa seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Hasil bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM11,396,000.00;
2. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM10,570,000.00;
3. Jawatankuasa Pelancongan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, RM100,000.00;
4. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM4,774,000.00;
5. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM26,707,000.00;
6. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat Kesihatan Negeri, RM3,027,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itu aje.

Rundingan di hadapan Dewan ini supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Jadual.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM120,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan RM517,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor di peruntukkan sebanyak RM120,000.00. Sebanyak RM105,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012, manakala selebihnya sebanyak RM15,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Jurutulis Dewan Undangan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM517,000.00. Sebanyak RM472,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM45,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM207,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan. RM346,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan

Johor, Bahagian Perumahan dan RM10,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Landskap jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan, diperuntukkan sebanyak RM207,000.00. Sebanyak RM202,000.00 bagi menampung emolumen jabatan manakala selebihnya sebanyak RM5,000.00 adalah perlu bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03 juga, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan, diperuntukkan sebanyak RM346,000.00 untuk menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012.

Dan di bawah Maksud Bekalan yang sama B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Landskap diperuntukkan sebanyak RM10,000.00 untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2012.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM100,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Pelancongan diperuntukkan sebanyak RM100,000.00 iaitu sebanyak RM98,000.00 diperuntukkan bagi menampung pembayaran emolumen jabatan bagi Tahun 2012. Manakala selebihnya sebanyak RM2,000.00 diperuntukkan bagi menampung bayaran ganjaran anggota-anggota kontrak jabatan. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,399,000.00 bagi Maksud B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM2,399,000.00 dan sebanyak RM1,348,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak

RM1,051,000.00 diperlukan bagi menampung di bawah perbelanjaan-perbelanjaan lain jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,215,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, RM1,707,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor dan RM852,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM2,215,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,707,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM852,000.00. Sebanyak RM842,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen bagi Tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran pemberian dan kenaikan bayaran tetap jabatan pada Tahun 2012.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM717,000.00 bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri Johor dan RM193,000.00 bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM717,000.00. Sebanyak RM707,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012, manakala selebihnya sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perkhidmatan ikhtisas, perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti jabatan.

Manakala di bawah Maksud Bekalan B.13, Pejabat Perancang Bandar dan Desa Negeri diperuntukkan sebanyak RM193,000.00 untuk menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,107,000.00 bagi Maksud B.19 Jabatan Perhutanan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud B.19, Jabatan Perhutanan Negeri diperuntukkan sebanyak RM1,107,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM23,369,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Johor dan RM3,075,000.00 bagi Maksud B.22, Jabatan Agama Johor Bahagian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21 Jabatan Agama Johor diperuntukkan sebanyak RM23,369,000.00. Sebanyak RM23,160,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM200,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli.

Sementara itu di bawah Maksud Bekalan B.22, Jabatan Agama Johor Bahagian Pendidikan diperuntukkan sebanyak RM3,075,000.00. Sebanyak RM411,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perhubungan dan utiliti jabatan manakala selebihnya RM2,664,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaaan bayaran tetap.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,027,000.00 bagi Maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM3,027,000.00 dan sebanyak RM418,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan emolumen jabatan. Sebanyak RM109,000.00 diperuntukkan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM2,500.00 bagi menampung pembelian dan kenaikan bayaran tetap jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM9,097,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM9,097,000.00. Sebanyak RM8,879,000.00 daripada jumlah yang disebut tadi diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM218,000.00 diperlukan bagi tahun ini untuk menampung pembelian harta modal jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM384,000.00 bagi Maksud B.26 Muzium DiRaja Abu Bakar jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar diperuntukkan sebanyak RM384,000.00. Sebanyak RM368,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi Tahun 2012. Sebanyak RM11,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran sewaan manakala selebihnya sebanyak RM5,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota kontrak jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM243,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor dan

RM20,000.00 bagi Maksud. B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM243,000.00. Sebanyak RM128,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi Tahun 2012. Manakala selebihnya RM115,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran dan gantian cuti rehat anggota-anggota jabatan...

Di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2012.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM400,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM661,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM177,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM468,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM421,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM344,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM221,000.00 bagi maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM281,000.00 bagi maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM40,000.00 bagi maksud B.49, Pejabat Daerah Kulajaya dan RM311,000.00 bagi maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, Johor diperuntukkan sebanyak RM400,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar, Johor diperuntukkan sebanyak RM661,000.00. Sebanyak RM166,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM495,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah pemilikan aset jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, Johor diperuntukkan sebanyak RM177,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM468,000.00. Sebanyak RM357,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012. Sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran sewaan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM101,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat, Johor diperuntukkan sebanyak RM421,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM344,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM212,000.00. Sebanyak RM125,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM87,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM281,000.00 di mana sebanyak RM265,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM16,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantikan cuti rehat pada anggota-anggota jabatan yang bersara.

Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM40,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen jabatan bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM311,000.00. Sebanyak RM215,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM96,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,267,000.00 bagi maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor; RM110,000.00 bagi maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM88,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM608,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM371,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM415,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM215,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM90,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM195,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM114,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM81,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri diperuntukkan sebanyak RM1,267,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM110,000.00 dan sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran

sewaan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM100,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM88,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM608,000.00. Sebanyak RM604,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM4,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota yang akan bersara pada tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM371,000.00 dan sebanyak RM357,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012. Sebanyak RM3,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran sewaan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM11,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota yang akan bersara pada tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM415,000.00. Sebanyak RM394,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 dan sebanyak RM2,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran sewaan jabatan. Peruntukan sebanyak RM13,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembelian harta modal jabatan manakala selebihnya sebanyak RM6,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM215,000.00. Sebanyak RM133,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM82,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah pemilikan aset jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM90,000.00 dan sebanyak RM80,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012. Sebanyak RM8,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran sewaan manakala selebihnya sebanyak RM2,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota jabatan yang bersara pada tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM195,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM114,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM81,000.00. Sebanyak RM73,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 manakala selebihnya sebanyak RM8,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2012) (No. 2) Tahun 2012 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2012) (No. 2) Tahun 2012.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, menyokong aje, tangguh ye.

Jurutulis : **UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.**

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, sebelum ucapan penangguhan, ni ada rombongan pemerhati dekat atas sana, pertama daripada Maktab Sultan Abu Bakar, Bahasa Inggerisnya *English College*. Aa... saya belajar sekejap dulu, yang kedua Sekolah Menengah Kebangsaan Kulai Besar, Kulaijaya, Johor. Tu dia di atas, dia dengar sepanjang perbahasan kita.

Dalam ucapan penangguhan ini saya ada menerima 6, ikut peraturan nak 5 mengikut Fasal 119(5) nak undi 5 saja yang akan berucap. Oleh itu saya jemput yang pertama, Y.B. Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda lah engkau ni.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Saya ada hantar, saya nak tahu berapa undi saya dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, nanti saya minta Jurutulis tolong berikan. Saya tak simpan, itu Jurutulis simpan, dia buat kerja. Alah, dah kalah lah, buat kalah ajelah. Tu hari dahlah kena pukul, nasib baik tak teruk. Ok, Lim Kee Moi, apa tunggu?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Yong Peng mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang menyertai Ucapan Tangguhan di Dewan yang mulia ini. ADUN Yong Peng ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah turun padang ke DUN Yong Peng pada bulan Februari 2012, mendengar rintihan rakyat dengan konsep rakyat didahulukan pencapaian diutamakan.

Kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sangat berhasil dan telah menyelesaikan masalah berkaitan permohonan tanah di Kampung Baru Kangkar Baru

dan Kampung Baru Lam Lee yang mana penduduk-penduduk telah dapat hak milik masing-masing. Bagi penduduk-penduduk Kampung Melayu Kangkar Baru, mereka telah menjelaskan bayaran premium 5A. Mereka meminta ADUN Yong Peng menyampaikan salam terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas usaha-usaha Menteri Besar Johor membolehkan mereka mempunyai tapak rumah sendiri dengan bayaran premium yang berpatutan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertanian memainkan peranan yang sangat penting bagi ekonomi kita. Pada tahun 2010, rata-rata komoditi mempunyai harga yang tinggi iaitu harga getah ialah RM7.00 sekilo dan harga buah kelapa sawit segar RM700.00 setan. Kini harga telah merosot, yang mana harga getah ialah RM3.20 sekilo dan harga buah kelapa sawit ialah RM480.00 setan. Ini menunjukkan bahawa harga getah sudah jatuh 54% manakala harga kelapa sawit sudah jatuh 31.4%. dengan harga barangan keperluan harian yang tinggi tentulah rakyat rasa kurang selesa pada masa ini.

Baru-baru ini ADUN Yong Peng dapat dengar rintihan daripada pemungut-pemungut kelapa sawit bahawa *refininary* di Malaysia enggan beli *crude palm oil* daripada *crude palm oil mill* tempatan kerana didapati harga CPO tempatan lebih tinggi dari Indonesia. Ini disebabkan kononnya Indonesia telah mengurangkan duti eksport daripada 30% kepada 15% yang mana ini akan menyebabkan persaingan yang tidak sihat. Juga kedengaran kilang CPO telah kurang terima buah kelapa sawit kerana *refinery* sudah buat tempahan di Indonesia. Dengan amalan ini ADUN Yong Peng khuatir harga buah kelapa sawit akan jatuh lagi sebab permintaan tempatan telah kurang. Apakah nasib pekebun-pekebun kelapa sawit kita. ADUN Yong Peng menyeru agar kerajaan kaji semula polisi-polisi yang sedia ada supaya negara kita boleh bersaing dengan jiran kita.

Masalah di DUN Yong Peng:-

1. Terima kasih kepada MPOB yang telah menjalankan semburan *aerial* pada bulan Januari 2012 di Mukim Chaah Baru, Yong Peng yang telah menyelamatkan serangan ulat bungkus yang serius. Untuk kawalan yang lebih berkesan lagi, semburan *aerial* perlu diadakan lagi sepertimana yang telah dijanji oleh MPOB untuk kawasan yang beribu hektar. Pekebun sudah tanya-tanya bilakah MPOB nak buat semburan lagi.
2. Terima kasih kepada Sime Darby membenarkan pekebun-pekebun kelapa sawit dan getah tumpang menggunakan jalan-jalan di Estet Sime Darby Division A, B dan C, Kangkar Baru, Yong Peng. Oleh sebab penggunaan jalan tertakluk pada sekatan masa, mereka merasa gelisah atas sekatan masa dan bayaran. Pihak Sime Darby pula mengeluh bahawa kehilangan buah kelapa sawit dan pekerja mereka dirompak. Untuk menyelesaikan masalah tersebut, ADUN Yong Peng mencadangkan agar diadakan pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri dengan bayaran pampasan barulah boleh selesaikan rintihan pekebun-pekebun kecil.

3. Oleh sebab DUN Yong Peng membangun dengan pesat dengan penduduk-penduduk dianggarkan 90,000 orang, banyak projek perumahan telah diadakan. Akan tetapi apabila banyak projek perumahan, terdapat masalah sistem perparitan bagi projek perumahan. Baru-baru ini berlakunya banjir kilat di Taman Sri Bertam, Yong Peng adalah punca perparitan. ADUN Yong Peng pohon *outlet* perlu diadakan sehinggakan sampai Sg. Sedeli, Yong Peng. JPS, JKR dan Majlis Daerah Yong Peng perlu berganding bahu menyelesaikan masalah ini. Dipohon Jabatan Teknikal kena kaji betul-betul sebelum menyokong permohonan perumahan tersebut. Nanti apa akan terjadi pemaju dapat untung, Wakil Rakyat menderita melayan rintihan penduduk-penduduk.
4. ADUN Yong Peng memohon AES dipasang di *traffic light* Yong Peng, khususnya di Taman Kota kerana terdapat aduan daripada penduduk-penduduk bahawa terdapat pemandu-pemandu tidak mematuhi isyarat lampu dan menyebabkan kemalangan telah berlaku dan akibatnya seorang pemuda meninggal dunia. Dengan adanya sistem ini, pemandu-pemandu yang bersalah dapat disaman ke mahkamah.
5. ADUN Yong Peng pohon diadakan Jawatan kuasa khas untuk meninjau jalan rosak, jalan yang berlubang-lubang di Jalan Persekutuan dan jalan di kawasan PBT untuk menjaga keselamatan pengguna jalan. Bagi projek Jalan *Federal* kontraktor perlu bayar cengkeram pada JKR supaya projek yang dijalankan oleh Jabatan dapat dikawal. Serupa juga cengkeram perlu dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan apabila kontraktor menjalankan projek di kawasan PBT. Agensi kerajaan juga perlu memasukkan kos menggali dan menampal balik jalan seperti jalan asal dalam sebut harga mereka. Jangan pula kontraktor ambil untung, Wakil Rakyat kena selesaikan masalah yang sepatutnya tidak berlaku dengan kawalan yang baik.
6. DUN Yong Peng mempunyai Empangan Bekok, untuk mengawal dengan lebih berkesan dipohon agar BAKAJ memainkan peranan yang lebih penting. Masalah yang dihadapi oleh BAKAJ ialah banyak jawatan kosong belum diisi yang menjejaskan prestasi BAKAJ. ADUN Yong Peng pohon agar masalah-masalah yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan segera demi kepentingan rakyat. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik R.Vidyananthan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Salam sejahtera, salam 1Malaysia kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi saya peluang untuk turut serta mengambil bahagian dalam Ucapan Penangguhan pada sidang Dewan kali ini.

Dato' Speaker, seperti yang kita maklum pada masa kini isu-isu politik semakin diperkatakan tidak kira di mana-mana sahaja. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan isu perlakuan yang kurang sopan oleh seorang pelajar, terhadap gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada masa kini para pelajar mahasiswa dan mahasiswi lebih seronok berpolitik daripada mengulang kaji kerana ada segelintir pihak yang tidak bertanggung jawab mempengaruhi pemikiran mereka dengan anasir-anasir yang songsang. Selain itu mereka juga tidak menyedari bahawa mereka telah dipergunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Kerajaan telah membantu mereka dengan memberikan pinjaman melalui Perbadanan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi semua pelajar yang mempunyai masalah kewangan untuk menampung kos pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Namun begitu, ada pihak yang tidak bertanggung jawab telah membangkitkan isu PTPTN di mana mereka telah menggesa para pelajar supaya tidak membayar hutang PTPTN tersebut. Mereka telah dijanjikan pendidikan percuma selain menghapuskan PTPTN di mana ianya dianggap bebanan kepada para pelajar dengan hutang.

Berikutan itu, pihak PTPTN baru-baru ini telah bertindak balas dengan menanggungkan sementara pemberian pinjaman PTPTN kepada lebih 1,000 orang pelajar Unisel bagi memberi ruang kepada Kerajaan Pembangkang Selangor untuk membuktikan janji pendidikan percuma bukanlah omong kosong semata-mata. Namun begitu, akhirnya mereka gagal memberikan pendidikan percuma kepada pelajar tersebut dan merayu kepada PTPTN supaya pinjaman tersebut diberi kepada pelajar tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan dan modal insan merupakan 2 perkara yang saling berkaitan bagi mengeluarkan modal insan, dan modal insan tidak dapat dilahirkan tanpa adanya pendidikan. Pada hari ini saban hari di media menyajikan cerita-cerita mengenai pembunuhan kejam, ragut, penderaan, pelacuran, rasuah, mat rempit, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Perkara ini tidak boleh diambil remeh kerana telah ramai anak remaja kita terlibat dalam gejala yang tidak sihat. Kewujudan terlalu banyak rumah tumpangan, rumah pelacuran, rumah urut, pusat hiburan juga salah satu faktor berlakunya masalah sosial tersebut. Mereka telah menyalahertikan pembangunan ekonomi di sesuatu kawasan. Tujuan utama pembangunan adalah menaik taraf kehidupan penduduk sesuatu tempat. Bukanlah menambah lagi permasalahan sosial di kalangan remaja. Namun yang demikian, keprihatinan ibu bapa terhadap sikap anak-anak serta bimbingan mereka amatlah penting bagi membendung masalah ini dan tidak hanya menyalahkan kerajaan semata-mata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, fikirkan sejenak pada Sukan Olimpik yang lalu dalam perlawanan akhir badminton negara kita diwakili oleh seorang jaguh badminton negara dan ketika itu setiap bangsa serta kaum menyokong beliau. Semasa perlawanan tersebut di kala rakyat Malaysia sedang bersedih, apabila beliau tewas hanya mampu meraih pingat perak, ada wakil dari pihak pembangkang tanpa memikirkan sensitiviti anggota masyarakat dan semangat kesukanan begitu seronok

menghamburkan kata-kata yang merendahkan jaguh badminton negara menerusi akaun *twitter* miliknya dan cuba memperpolitikkan perkara tersebut. Tidak terfikir kah beliau betapa susah payahnya jaguh badminton negara tersebut untuk sampai ke tahap itu dan telah cuba sedaya upaya untuk memenangi pingat dan sekali gus mengharumkan nama negara Malaysia. Perbuatan terkutuk Wakil Rakyat tersebut akhirnya telah membangkitkan kemarahan orang ramai dari pelbagai kaum dan mengutuk pihak pembangkang kerana tidak menghargai perjuangan jaguh badminton tersebut. Setelah melihat kemarahan orang ramai terhadap pihak pembangkang, pihak pembangkang akhirnya meredakan isu itu dengan permohonan maaf kepada wira negara itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berasa amat terkiln ketika sambutan hari kemerdekaan yang lalu sewaktu Rukun Negara diikrarkan ada pihak yang tidak menghormati dengan tidak mengikrarkannya. Di samping itu, bendera kita Jalur Gemilang juga telah ditukar kepada bendera yang lain serta membuat propaganda semasa hari kemerdekaan tersebut dengan menyebarkan risalah anti kerajaan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab. Sewaktu pihak pembangkang mengadakan kononnya Jelajah Merdeka dengan tema Hari Kemerdekaan tersendiri di Melaka, satu insiden telah berlaku di mana pengawal peribadi pemimpin tertinggi pembangkang telah mengacukan pistol ke orang awam yang tak mahu mereka berada di situ. Apakah tujuan perkara-perkara ini dilakukan?. Adakah pihak terbabit ingin mencabar kedaulatan dan tidak menghormati negara dan Raja-Raja Melayu serta undang-undang yang sedia ada?.

Yang Berhormat Dato' Speaker sebagai rakyat yang berbilang bangsa dan kaum, kita seharusnya bersatu supaya tragedi 13 Mei 1969 tidak berlaku lagi di negara ini. Sebagaimana kita ketahui melalui konsep 1 Malaysia adalah gagasan yang meminta seluruh rakyat bersatu hati tanpa mengira kaum, bersama-sama membangunkan negara ini. Sebagai rakyat kita patut berbangga kerana hidup aman dan damai walaupun mempunyai perbezaan agama dan bangsa. Namun begitu, pada masa ini ada lagi pihak, segelintir pihak yang cuba membangkitkan isu perkauman dan perpaduan dengan menanam kebencian dan cuba memperpolitikkan isu-isu tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya pelbagai usaha yang telah dibuat oleh kerajaan bagi memastikan nama negara tidak dicemari dengan anasir-anasir luar yang iri hati terhadap kejayaan kerajaan menangani isu-isu tersebut. Adalah menjadi tanggung jawab sebagai rakyat menjaga nama negara supaya tidak dipandang serong di mata dunia hanya kerana perbezaan ideologi politik yang sekarang ini dipropagandakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab. Ketaksuban pihak pembangkang bagi menerajui negara dan merampas Putrajaya telah mengakibatkan pelbagai spekulasi menentang kerajaan yang sedia ada dan secara tidak langsung mewujudkan satu fenomena anti kerajaan. Pelbagai cara telah dibuat oleh pihak terbabit termasuk melibatkan golongan muda dan memutarbelitkan fakta bagi memperoleh sokongan untuk menerajui negara. Bukan saya mahu memperkecil-kecilkan pihak pembangkang, tetapi bila difikirkan mampukan pihak pembangkang

untuk mentadbir negara sedangkan sebelum mentadbir lagi pihak tersebut telah berpatah arang dengan merebut kuasa sesama sendiri...

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Itu satu tuduhan yang tidak baik...

Y.B. Dato' Speaker : Ucapan penangguhan tak payah anulah...

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Dan memungkirkan janji seperti yang berlaku di beberapa buah negeri yang ditadbir oleh pembangkang. Adakah ini pemimpin yang kita mahukan oleh rakyat? Bagaimanakah masa hadapan negara yang akan datang sekiranya pemimpin seperti ini yang mentadbir. Renung-renungkanlah demi masa hadapan, generasi yang akan datang. Sekian sahaja ucapan saya pada kali ini dan diakhiri dengan serangkap pantun...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, Dato' Speaker minta penjelasan dengan maksud pihak pembangkang tu...

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Dari Kahang ke Johor Bahru, dalam perjalanan terjumpa hantu, marilah kita bersatu padu, agar negara aman selalu. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah, dia sebut umum. Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Selamat tengah hari, salam sejahtera, dan salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu Pekan Nenas ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Pekan Nenas untuk turut serta dalam Ucapan Penangguhan pada Sidang Dewan yang mulia ini..

Yang Berhormat Dato' Speaker, tonggak kepada kemajuan yang dicapai oleh Negara Malaysia adalah perpaduan dan semangat toleransi di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Semangat ini ditambah dengan budaya dan susila bangsa di negara ini yang penuh dengan nilai-nilai murni seperti menghormati orang yang lebih berusia, mesra, muhibah, berbudi bahasa, bersopan santun dan pelbagai lagi pekerti baik yang menjadi amalan dan budaya semua kaum di negara ini. Syabas dan tahniah kepada kepimpinan negara yang telah menerajui pentadbiran yang cemerlang sejak 55 tahun yang lalu. Tidak boleh disangkal lagi, kepimpinan kerajaan Barisan Nasional di peringkat Pusat dan negeri khususnya di Negeri Johor telah berjaya memacu pembangunan fizikal dan sosial masyarakat untuk membawa negara ke arah sebuah negara maju pada tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 31 Ogos merupakan tarikh keramat bagi Malaysia yang menyambut ulang tahun Kemerdekaan. Ia sentiasa dinantikan oleh semua lapisan rakyat yang cintakan negara. Namun, kegembiraan menyambut Hari Kebangsaan kali ke-55 pada tahun ini telah tercalar dengan beberapa kejadian yang

amat memalukan kita selaku rakyat Malaysia yang menjunjung Keluhuran Perlembagaan. Perilaku segelintir rakyat yang layak digelar pengkhianat, memijak gambar pemimpin dan menukar Jalur Gemilang dengan bendera yang lain yang amat mirip dengan negara jiran amatlah dikesali dan perbuatan biadab ini mencerminkan bahawa di luar sana terdapat segelintir rakyat khasnya golongan belia yang terkeliru atau dikelirukan dengan perjuangan atas nama demokrasi dan kebebasan bersuara tanpa batasan.

Apakah tujuan dan niat sebenar mereka melakukan perkara ini? Dengan bendera yang dikatakan ciptaan mereka itu, siapakah sebenarnya yang menjadi dalangnya dan di manakah kiblat mereka ini seandainya diberi kuasa untuk memerintah? Apa pun persoalannya, biarlah majoriti rakyat yang waras membuat keputusan pada pilihan raya yang akan datang. Secara jelas, mereka telah membuat kesilapan besar yang telah menunjukkan niat dan diri mereka sendiri tanpa perlu ada konspirasi yang selalunya dikaitkan dengan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, segalanya nilai-nilai murni yang diajar dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat tertinggi dalam sistem pelajaran negara terhakis akibat rendahnya jati diri cintakan negara. Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan dalam Rukun Negara kelihatannya tidak langsung melekat di hati golongan yang terlalu taksub kepada prinsip kebebasan yang sering disalah tafsir oleh kumpulan yang berkepentingan dan mengambil kesempatan kepada generasi muda yang mudah teruja dengan slogan-slogan yang membakar semangat muda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Dan, kita sebagai rakyatnya wajib mengetahui akan asas-asas budaya, batas-batas dan tatasusila yang diamalkan sebagai negara merdeka tanpa perlu menerima bulat-bulat budaya negara lain walaupun bagi tujuan mengkritik kelemahan dan kekurangan yang ada. Teguran dan kritikan yang membina amatlah dialu-alukan bagi sama-sama berusaha memantapkan kejayaan dan pencapaian negara, tetapi bukanlah dengan cara yang semberono tanpa fakta yang tepat dan betul. Ramai di luar sana yang menggunakan maklumat separa benar tetapi dimanipulasi oleh pihak tertentu untuk tujuan mendapat pengaruh semata-mata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menangani gejala tidak sihat ini, tindakan tegas berdasarkan peraturan dan undang-undang sedia ada hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tanpa kompromi. Tegakkanlah Kedaulatan Undang-Undang kepada pengkhianat ini yang tidak tahu menghormati negara dan pemimpin supaya hukuman yang dikenakan akan menjadi iktibar dan amaran kepada yang lain.

Pekan Nenas merasa bimbang gejala buruk dan kelakuan melampau sedemikian akan merebak dan berleluasa di kalangan orang muda jika ianya tidak dibendung dan dikawal mulai sekarang. Dan ianya boleh memusnahkan negara kita. Demonstrasi jalanan, fitnah memfitnah dan memijak poster pemimpin bukanlah budaya rakyat Malaysia dan bukan budaya manusia yang bertamadun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keprihatinan kerajaan kepada rakyat bagi mengimbangi perubahan ekonomi global telah menggerakkan pelan transformasi ekonomi dan memperkenalkan pelbagai insentif kepada rakyat dari semangat Gagasan 1Malaysia, Rakyat Di Dahulukan Pencapaian Di Utamakan seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Bantuan Rakyat 1Malaysia, Bantuan Tayar 1Malaysia dan pelbagai subsidi yang dilaksanakan seperti beras, minyak masak, petrol, gula dan lain-lain sebagai tanda keprihatinan kerajaan kepada rakyat. Bantuan-bantuan dan subsidi yang bernilai berbilion-bilion ringgit itu tidak dapat diperolehi di mana-mana negara lain di dunia ini selain Malaysia yang di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain insentif di bawah pelan transformasi ekonomi ini, adalah nikmat kemerdekaan yang sangat di hargai oleh rakyat khususnya kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Pekan Nenas ingin merakamkan penghargaan terima kasih rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional atas semua insentif yang dilakukan dan benarlah ianya bertepatan dengan slogan Hari Kebangsaan tahun ini yang berbunyi 'Janji Di Tepati' di mana janji-janji kerajaan mendahulukan kebajikan rakyat di kotakan melalui program-program berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, slogan 'Janji Di Tepati' ini amat tepat dijadikan panduan kepada semua rakyat yang mahukan kejayaan dan kesejahteraan hidup kerana ia boleh menjadi pemangkin kepada sifat-sifat rajin berusaha untuk mencapai matlamat hidup dengan terlebih dahulu melaksanakan janji kepada diri sendiri sebelum berjanji untuk orang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada penjawat awam pula, 'Janji Di Tepati' haruslah diterjemahkan dengan menjalankan segala tanggungjawab dengan jujur dan amanah supaya rakyat mendapat perkhidmatan yang sewajarnya sesuai dengan kod etika dan ikrar yang dibuat pada saban tahun dalam Majlis Amanat Tahun Baru Kakitangan Awam.

Pada golongan muda, 'Janji Di Tepati' sewajarnya direalisasikan dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan ikhlas dalam membina kejayaan agar mencapai kecemerlangan dalam kehidupan baik dari segi pembelajaran atau kerjaya masing-masing, yang secara tidak langsung akan memenuhi janji untuk berbakti kepada ibu bapa, masyarakat dan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan holistik yang telah dilaksanakan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang antara lainnya memperkasakan kerajaan yang cekap, masyarakat berilmu, pembangunan ekonomi, kemudahan awam, kualiti hidup dan kerajaan adil adalah seiring dengan transformasi pentadbiran kerajaan di peringkat pusat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui pengenalan kepada Indeks Prestasi Utama (KPI), Tujuh Teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang mana tiga darinya ialah meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasakan prasarana luar bandar dan

pendidikan berkualiti. Ini jelas mencerminkan kepimpinan di Negeri Johor sentiasa bersifat pro-aktif dan peka kepada keperluan rakyat selaras dengan perubahan zaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, matlamat dan hala tuju telah ditetapkan dan sekarang apa yang perlu dipertingkatkan adalah pelaksanaan dan kefahaman yang betul di kalangan rakyat supaya mereka tidak mudah terkeliru dengan dakyah-dakyah negatif seperti kata pepatah menangguk di air yang keruh, atas sedikit kelemahan yang berlaku. Tidak ada mana-mana kerajaan di dunia ini yang tidak mempunyai kelemahan sedangkan pakatan pembangkang yang memerintah empat buah negeri juga diselubungi dengan banyak kelemahan dan masalah sehinggakan Kerajaan Selangor kini sedang berhadapan dengan banyak tuntutan saman oleh rakyatnya. Di pihak Kerajaan Barisan Nasional, diakui wujud kelemahan, namun begitu peratusannya amatlah kecil. Syabas serta tahniah kepada penjawat awam yang benar-benar ikhlas dan jujur dalam memikul tanggungjawab. Tidak ada satu pelaksanaan projek atau program yang kalis kesilapan, tetapi jika rakyat mendapat maklumat yang jelas, Pekan Nenas amat yakin, kepercayaan rakyat terhadap kerajaan akan tetap utuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini Pekan Nenas melihat sekali lagi falsafah 'Janji Di Tepati' oleh penjawat awam, harus benar-benar diamalkan melalui prinsip kebertanggungjawaban atau *accountability* dengan izin, terhadap pelaksanaan setiap kerja yang dilakukan. Ini kerana penjawat awam adalah merupakan aset terpenting dalam melaksanakan setiap polisi program mahupun dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. Penjawat awam adalah cerminan kerajaan, di mana prestasi mereka sentiasa dinilai oleh orang awam dan menjadi faktor utama yang mempengaruhi rakyat jelata membuat pilihan pada Pilihan raya Umum. Oleh yang demikian, semua pihak dalam sektor awam haruslah menjaga integriti yang menjadikan penanda aras atau *benchmark* dengan izin, ke atas pencapaian matlamat yang hendak disasarkan demi kepentingan rakyat dan kemajuan negara.

Y.B. Dato' Speaker : Satu minit lagi.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Dengan peningkatan mutu perkhidmatan penjawat awam melalui Program Transformasi Kerajaan, dan kejayaan Program Transformasi Ekonomi Negara bagi mempertingkatkan taraf hidup penduduk, Pekan Nenas yakin rakyat jelata akan terus memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional pada Pilihan raya Umum Ke-13 yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian sahaja ucapan penangguhan Pekan Nenas pada hari ini, diakhiri dengan ucapan jutaan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan dan juga peluang yang diberikan untuk Pengkalan Rinting menyampaikan Ucapan Tanggahan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana kita sedia maklum perayaan Hari Raya Aidilfitri baru sahaja berakhir dan di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua umat yang beragama Islam di Negeri Johor amnya, dan khasnya kepada para hadirin yang berada di Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah habis boleh berucap ya. Iyalah bagus.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan penangguhan kali ini saya ingin menarik perhatian tentang beberapa perkara yang sering menjadi rungutan dan masalah di kalangan rakyat. Antara masalah-masalah yang dimaksudkan ialah keadaan lalu lintas di Pusat Bandar Johor Bahru. Sejak pembukaan bangunan CIQ yang baru, adalah didapati bilangan kenderaan kian bertambah di Pusat Bandar Johor Bahru. Dan, ini sering menimbulkan kesesakan yang amat ketara. Ekoran banjir kenderaan yang begitu meningkat dari masa ke semasa, maka laluan lalu lintas di Pusat Bandar Johor Bahru menjadi padat. Bagi para peniaga yang berada di sekitar Pusat Bandar Johor Bahru, mereka juga sering mengeluh di sebabkan perniagaan mereka terjejas kerana para pembeli susah mencari tempat meletak kereta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan tempat meletak kereta tidak mencukupi di Pusat Bandar Johor Bahru adalah disebabkan ramai pekerja yang bekerja di Singapura telah meletak kenderaan mereka pada awal pagi di Pusat Bandar Johor Bahru. Maka di Pusat Bandar Johor Bahru penuh dengan kenderaan sejak awal pagi lagi. Para peniaga di Pusat Bandar Johor Bahru berpendapat bahawa kerajaan tidak mengambil inisiatif untuk membantu mengatasi masalah ini. Di Pusat Bandar Johor Bahru khasnya di kawasan Jalan Trus, Jalan Wong Ah Fook, Jalan Segget, Jalan Meldrum dan banyak jalan-jalan lagi di dapati memang susah untuk mendapat tempat meletak kereta pada setiap hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hemat saya tempat letak kereta di Pusat Bandar Johor Bahru telah menjadi tidak mencukupi. Bagi mereka yang hendak berurusan baik dari segi perniagaan ataupun sebagainya di Pusat Bandar Johor Bahru, lazimnya akan meletakkan kenderaan mereka sesuka hati di kiri dan juga di kanan jalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang saya lihat di Bandar Melaka, kawasannya dikenali sebagai *Jonker Street* dengan izin, kenderaan dibenarkan diletakkan di kiri, di kanan atau di kiri dan di kanan jalan-jalan yang lebih kecil lagi jika dibandingkan dengan jalan-jalan yang sedia ada di Pusat Bandar Johor Bahru. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan supaya perkara yang sama dapat dilaksanakan di Pusat Bandar Johor Bahru, iaitu membenarkan kenderaan diletak di kiri jalan, di kanan jalan dan juga di kiri dan di kanan jalan. Ini dapat memudahkan para pengunjung untuk meletakkan

kenderaan apabila hendak berurusan di Pusat Bandar Johor Bahru, secara tidak langsung kutipan hasil juga akan dapat ditingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan Jalan Tan Hiok Nee dan juga Jalan Meldrum terutama berdekatan dengan *Meldrum Walk*, di dapati laluan tersebut begitu sempit dengan adanya pasu-pasu bunga hiasan. Di dapati pasu-pasu bunga hiasan penuh dengan puntung-puntung rokok, dan juga bekas plastik yang dibuang merata-rata. Pasu-pasu bunga yang ditanam juga tidak dijaga dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka dalam Dewan yang mulia ini saya mencadangkan pasu-pasu bunga tersebut tidak perlu disediakan supaya Jalan Tan Hiok Nee dan Jalan Meldrum tidak menjadi sempit kepada laluan kenderaan. Dibenarkan meletak kenderaan di kiri dan juga di kanan di jalan-jalan tersebut dan juga untuk tidak menjejaskan kebersihan dan juga keindahan di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakan Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Kos Rendah, Sederhana mahupun pangsapuri di setiap kawasan, pentadbiran urusan ini sering berdepan dengan masalah untuk mengutip kos penyelenggaraan bulanan bagi tujuan menyelenggarakan bangunan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah ini telah berlarutan sehingga pihak pentadbiran pengurusan bangunan tidak dapat serta mampu untuk menjalankan khidmat baik pulih atau sebagainya disebabkan dana yang tidak mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya pihak Pesuruhjaya Bangunan ataupun dipanggil *Commissioner of Building* dengan izin, dapat membantu menyelesaikan masalah kutipan kos penyelenggaraan bulanan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mencadangkan kerajaan agar dapat melalui pihak COB di setiap PBT, memansuhkan kos penyelenggaraan bulanan untuk selama setahun yang dikenakan ke dalam tuntutan cukai harta pemilik rumah pangsa ataupun pangsapuri yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pengkalan Rinting mohon kerajaan agar dapat memberikan pandangan serta sokongan bagi diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin membangkitkan berkaitan dengan kurniaan geran hak milik kepada penduduk di kawasan Kampung Pengkalan Rinting Baru yang masih belum mendapat kelulusan. Saya ingin menarik perhatian bahawa masih terdapat ramai lagi penduduk yang tinggal di kawasan Kampung Pengkalan Rinting Baru yang belum dikurniakan geran hak milik seperti yang telah dijanjikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang saya fahamkan, penduduk-penduduk yang berdekatan dengan Kampung Pengkalan Rinting Baru seperti Kampung Pasir, Kampung Pengkalan Rinting dan sebagainya telah mendapat kurniaan geran hak milik masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana difahamkan perkara ini telah diajukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ketika lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke kawasan peti undi kawasan tersebut pada bulan November tahun yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penduduk di kawasan tersebut memohon dan juga meminta jasa baik kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor supaya memberikan kelulusan permohonan geran hak milik ini sebelum pilihan raya kali yang ke-13. Menurut mereka ini adalah selaras dengan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dan juga "Janji Ditepati".

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dapati tahap kebersihan pusat bandar raya Johor Bahru masih belum begitu memuaskan. Sewaktu lawatan saya ke kawasan di belakang Jalan Wong Ah Fook dan juga bersama dengan di belakang Jalan Trus yang berdekatan dengan bangunan Publik Bank pada bulan yang lepas. Saya dapati parit dan longkang di kawasan tersebut kebanyakannya tersumbat dan juga dipenuhi dengan sampah serta sangat kotor. Pihak yang berkenaan perlulah memberi perhatian yang sewajarnya memandangkan bahawa pusat bandar Johor Bahru adalah sebuah kota raya dan imej Bandaraya ini hendaklah dijaga sebaik mungkin. Sampah sarap mestilah perlulah diangkat dan juga di bersihkan pada setiap hari, begitu juga dari segi landskapnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata di kesempatan ini saya juga ingin ucapkan tahniah dan juga syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang dikasihi di atas segala usaha yang dilakukan untuk memajukan Negeri Johor ke arah yang lebih berdaya saing, baik dari segi pembangunan dan apa jua yang dirasakan perlu demi kemajuan, kemakmuran dan juga kesejahteraan rakyat.

Usaha Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Negeri Johor ini sewajarnya disambut baik oleh setiap lapisan rakyat kerana ia dijangka meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan, banyak lagi yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat jelata khususnya di Negeri Johor khasnya dan negara Malaysia yang tercinta amnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan saya juga menyeru semua rakyat tak kira apa bangsa dan juga apa agama supaya kita sentiasa memberikan sokongan yang padu kepada kerajaan yang dipimpin dan juga diterajui oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia agar Negara Malaysia ini akan terus maju di mana segala kemakmuran, kesejahteraan, keamanan dapat kita kecapai turun temurun. Sekian, Terima Kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim jemput.

Y.B. Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim (Senggarang) : Dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, 31 Ogos 2012 yang lalu hampir sebulan telah berlalu menunjukkan genaplah 55 tahun negara mencapai kemerdekaan. Jangka masa 55 tahun sewajarnya telah memperlihatkan penghayatan kemerdekaan yang matang dari kalangan rakyatnya dan itulah yang sepatutnya. Selama 55 tahun ini ternyata kita telah menafikan apa jua dakwaan yang mengatakan kemerdekaan tidak akan membawa apa-apa makna kepada rakyat dan negara ini. Buat sebatang jarum pun tak boleh, manakan boleh mengurus dan mentadbir sebuah Negara. Itulah kata-kata momokan yang dilemparkan kepada pemimpin negara kita pada 55 tahun dahulu iaitu sebelum merdeka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 3 fasa utama kemerdekaan telah dilalui. Perjuangan menuntut kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan pasca merdeka. Kerajaan kapal layar di bawah Perikatan dikesinambungkan kepada kerajaan timbang Barisan Nasional telah berjaya mengisi kemerdekaan melalui kepimpinan-kepimpinan yang ada pada hari ini. Dan, hasilnya kita dapat saksikan sendiri pada hari ini, pembangunan prasarana dan ekonomi dan sosial jauh lebih baik berbanding di awal kemerdekaan. Ini tidak boleh dinafikan lagi, akan tetapi usia kemerdekaan ini baru saja menjangkau 55 tahun, perlu diingat ketika laungan merdeka itu, kebanyakan bangsa peribumi masih lagi berada dalam keadaan daif, kalau bekerja sebagai nelayan jadilah dia nelayan yang hanya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kalau bekerja sebagai pekebun, pesawah hasilnya hanya cukup secupak beras, kalau makan gaji hanya sebagai supir atau pemandu atau pembuka pintu pagar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, malangnya belum mencapai angka merdeka ini 100 tahun sudah pelbagai ancaman melanda. Pelbagai pertikaian dibuat dan yang terbaru rakyatnya yang dikatakan sudah matang tadi rupa-rupanya ada lagi yang ketandusan jiwa untuk sayangkan Negara, apabila secara berani mengibarkan dan ingin menukar bendera keagungan kita, Jalur Gemilang kepada bendera lain. Mereka menolak Jalur Gemilang yang selama ini menjadi lambang kedaulatan dan maruah martabat rakyat di negara ini. Bekas pemimpin dan merupakan anak pejuang sebuah negara bangsa pernah berkata dalam majlis perasmian Galeri Dato' Onn Jaafar di Batu Pahat baru-baru ini, kenapa tidak ada pemimpin yang ada khususnya mencabar langkah mayat aku dulu baru boleh tukar bendera, seperti mana ada yang mengatakan langkah mayat dia dulu kalau nak laksana hudud. Apakah perbuatan biadab dan melampaui batas ini akan dibiarkan begitu sahaja?

Yang Berhormat Dato' Speaker, keberanian yang boleh dikatakan luar biasa ini oleh penunjuk perasaan tidak harus dibiarkan berterusan. Kita harus ingat, ini bukan kali pertama rakyat negara ini dipaksa menyaksikan adegan yang memuakkan ini, menyerang pasukan keselamatan dibiarkan, menterbalikkan kereta polis, nampak senyap saja, merosakkan pelbagai harta awam dan mengganggu peniaga di Jalan Tunku Abdul Rahman pun macam tiada tindakan. Kali ini pijak gambar pemimpin dan nak tukar bendera Jalur Gemilang pula. Semuanya ini dibuat kononnya atas demokrasi dan hak bersuara yang ingin mereka tuntutan. Demokrasi apa yang hendak diperjuangkan? Kalau tingkah laku sendiri menunjukkan betapa rendah moral kelompok tersebut. Tidak pernah berlaku dalam sejarah menyambut kemerdekaan Negara ada kelompok mengibarkan bendera merah putih yang tujuannya menukar bendera Jalur Gemilang. Mana mungkin kita sedang menyambut kemerdekaan itu, kita biarkan sekelompok manusia biadab ini mencemari dengan suatu perbuatan yang dianggap melampaui batas. Mereka perlu diberi pengajaran yang setimpal kerana perbuatan mereka sudah melampaui tatasusila rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang percaya perbuatan tidak berjiwa patriotik ini dan melampaui batas ini adalah hasil dari pemikiran yang sering dirosakkan oleh kumpulan yang menanam benih-benih membenci kerajaan yang ada. Pelbagai fahaman dibenamkan dalam sanubari rakyat yang cetek sejarahnya, yang nipis imannya, yang miskin perpaduannya, yang renggang persaudaraannya, yang sedikit terima kasihnya dan yang susut idea pemikiran matangnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lupa kah mereka kepada pejuang-pejuang kemerdekaan seperti Sultan Abdullah dari Kedah sebagai perintis menentang British di Pulau Pinang pada tahun 1786, penentangan oleh Penghulu Dol Said kepada British ke atas Nanning pada tahun 1831 dan 1832, penentangan Dato' Shahbandar Abdullah Tunggal tahun 1874 di Negeri Sembilan kemudian diteruskan oleh Tunku Antah 1875, penentangan ke atas penjajah di Perak oleh Dato' Maharaja Lela, Pandak Lam, Dato' Sagor bersama Sultan Abdullah sehingga Resident British JWW Birch terbunuh November 1875.

Di Selangor, Raja Mahadi dan Tunku Kudin menentang British di Klang. Penentangan ke atas penjajah bagi menuntut kemerdekaan juga tercetus di Pahang melalui Dato' Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau pada tahun 1891 hingga 1895 sehingga gugur semuanya. Di Terengganu juga berlaku penentangan ke atas penjajah oleh Haji Abdul Rahman Abdul Hamid yang lebih dikenali dengan Abdul Rahman Limbong pada tahun 1922 dan 1928. Di Kelantan, Tok Janggut merupakan penentang pada penjajah British setelah diambil oleh kerajaan Siam pada tahun 1915. Tak kurang juga di Sabah, Dato' Mat Saleh, pejuang yang menentang penjajah pada 1894 dan beliau sentiasa dihambat British sehingga gugur pada 31 Januari 1900, ketika sedang mempertahankan kota pertahanannya di Tambunan. Di Sarawak, Dato' Patinggi Haji Abdul Ghafur menentang pentadbiran James Brooke pada 1841 bagi mengembalikan pentadbiran Sarawak kepada orang tempatan tanpa pengaruh luar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akan tetapi melalui pendekatan yang cukup hikmah penentangan terhadap kuasa penjajah oleh seorang pejuang sebuah negara bangsa dari bumi Johor bertuah ini iaitu Dato' Onn bin Jaafar telah merubah pemikiran rakyat di negara yang tercinta ini apabila disatukan suara-suara merdeka itu melalui bangsa Melayu, Cina dan India maka *Union Jack* dapat kita turunkan, Jalur Gemilang dapat kita julang, *Malayan Union* dapat ditumpaskan, Perlembagaan Persekutuan dapat kita materai tanpa pertikaian dan akhirnya kemerdekaan dapat kita isytiharkan. Siapakah kita ketika itu? Iaitu tak lain tak bukan parti yang mencantumkan tiga bangsa besar di negara ini, iaitu Melayu, Cina dan India yang mewakili UMNO, MCA dan MIC. Sejarah ini tidak boleh terhakis begitu sahaja dan patut dipertahankan sehingga ke titisan darah yang terakhir. Sejarah tidak mungkin terpadam tetapi sejarah mungkin akan dilupai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dan pihak berkuasa tidak boleh lagi membiarkan kelompok ini memperkotak-katikan undang-undang dan begitu berani melakukan tindakan sehingga merasakan ada pihak yang akan tampil membela mereka atas nama hak asasi manusia. Sebenarnya kelompok ini tidak langsung memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Seperti yang dilaungkan dalam himpunan yang dikatakan bersih tapi kotor itu, kerana selepas bersurai terlihatlah betapa kotornya kawasan yang mereka tinggalkan sampah sarap melata, botol dan kotak air minuman berterabur. Itulah sebagaimana kotornya pemikiran mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, lagi seminit.

Y.B. Tuan Haji Ja'afar bin Hashim (Senggarang) : Tindakan mereka sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker hanya untuk mencemarkan imej Malaysia di mata dunia. Mencabar keberanian pihak berkuasa dan yang lebih jelas menghina kepimpinan negara yang ternyata begitu berjasa. Jika tiada tindakan yang diambil, tidak mustahil mereka akan melakukan banyak lagi tindakan-tindakan yang memualkan di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya merdeka adalah harta pusaka peninggalan tokoh-tokoh pejuang dan generasi yang terdahulu. Perjuangan merintis, perjuangan mereka merintis denai dan lorong ke destinasi kemerdekaan. Jalannya bukan saja penuh dolak-dalik, malah onak duri dan ranjau sengsara. Semuanya ini mereka redah tanpa menjanjikan apa-apa kecuali merdeka. Namun, sebahagian mereka tertimbus dalam lipatan sejarah dan hanya segelintir yang dikenang dan diulang bicara. Sebagai generasi hari ini, Senggarang berpendapat yang sedang kita nikmati, nikmat kemerdekaan ini kenanglah mereka, tidak kira yang masih bernyawa mahupun yang sudah tiada lagi di alam fana ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh-roh mereka, Amin. Maaf segalanya. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Macam ceramahlah, Ahli Yang Berhormat Bentayan, tadi yang Berhormat nak tanya undi. Yang Berhormat dapat 2 undi sahaja.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Terima kasih Dato' Speaker, saya ingat dapat 7.

Y.B. Dato' Speaker : Saya tak nak cakaplah, yang hujung pun tak beri.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Ada, orang dia pun tak sokong dia.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat lepas ni...

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tidak, sokong pun tak guna, kita tahu, memang kalah. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kesianlah dia...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : ...tak apa, dipersilakan masuk dalam Barisan Nasionallah...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat lepas ini ada jamuan makan tengah hari. Jadi dipersilakan Ahli Yang Berhormat untuk ke majlis jamuan makan tengah hari. Kemudian, kita nasib baik dapat jumpa ini lagi ini kalilah, mulanya saya ingat dah tak jumpa. Bentayan dah sihat eh? Kena tumbuklah tu dah oklah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, nasib baiklah ada dua orang untuk melawat, yang Skudai langsung tak melawat. (Dewan ketawa). Beli kelapa dengan Pak Lebai, kalau tak jumpa maka *bye-bye*.

Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:07 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis

Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Kordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Setiausaha Pejabat

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir

Puan Hanifa binti Mohamed

Pembantu Am Pejabat

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Setiausaha Pejabat

Puan Rahimah binti Akbar
Pejabat Y.B. Speaker Dewan Negeri Johor

Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Inson bin Abdul Wahab
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan
Desa Negeri Johor

Puan Raihanah binti Ismail
Pejabat Setiausaha Kepada Jawankuasa-Jawatankuasa

Puan Nor Wahidah binti Elias
Pejabat Setiausaha Kepada Jawankuasa-Jawatankuasa

Puan Suzana binti Abd. Wahab
Pejabat Setiausaha Kepada Jawankuasa-Jawatankuasa

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat Ketua Penolong Setiausaha
SUK (Bahagian Kerajaan Tempatan)

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR**
27 SEPTEMBER 2012